

# 100 wakil universiti dunia berhimpun di IETEC 2011

## Berbincang, berkongsi amalan pendidikan terbaik

**PERSIDANGAN** Pendidikan Kejuruteraan dan Teknologi Antarabangsa 2011 (IETEC 2011) di kampus Lakeside Taylor's University, baru-baru ini menghimpunkan lebih 100 peserta dari 80 universiti seluruh dunia.

Perhimpunan untuk membincangkan dan berkongsi peranan, sumbangan, inovasi serta amalan terbaik itu merupakan yang pertama dianjurkan Universiti Taylor's dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bersama Central Queensland University dari Australia dengan sokongan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), National Instruments and Taylor dan Francis Asia Pacific.

Persidangan tersebut dirasmikan

Penasihat Khas kepada Menteri Pengajian Tinggi, Prof Dr Zakaria Abas.

"Kerjasama rapat dan pertukaran pengetahuan antara penyedia pendidikan swasta dan awam di Malaysia akan menaikkan lagi piawaian dan kualiti pendidikan tinggi di negara kita dalam usaha melahirkan graduan berkemahiran dan menarik lebih ramai pelajar asing untuk melanjutkan pelajaran di universiti tempatan.

"Penting bagi kedua-dua sektor pendidikan awam dan swasta untuk membawa sumber dan kekuatan mereka ke meja persidangan bagi menjalin hubungan yang bermanfaat sebagaimana diperlihatkan menerusi Persidangan IETEC," kata Zakaria.

**Naib Canselor Universiti Taylor's Hassan Said menyampaikan hadiah penghargaan kepada Zakaria.**

IETEC 2011 bertema "Meningkatkan Kemahiran Kurun ke-21 untuk Profesional Kejuruteraan dan Teknologi Global" dianjurkan untuk memupuk kerjasama antara pelbagai pihak yang berkepentingan dalam pendidikan kejuruteraan dan teknologi.

